

**ADAT PERPATIH
STRUKTUR ORGANISASI, SISTEM SOSIAL DAN
PERLANTIKAN UNDANG**

NOR RAZIFAH HJ. ABD. WAHAB

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan, hasil kerja-hasil kerja dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

9. APRIL 1994.

Tarikh



Nor Razifah Hj. Abd. Wahab

A. 1531990

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha penyayang lagi Maha mengasihani.

Pertama sekali penulis ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana tanpa rahmatNya tidak mungkin kertas projek ini dapat dihasilkan pada masa yang ditetapkan.

Kesempatan ini ingin digunakan juga untuk merakamkan jutaan terima kasih buat Puan Che' Norlia Mustafa, pensyarah dan penyelia yang sentiasa sudi membantu dan sabar melayani kerenah penulis.

Kepada Amak dan Ayah yang amat disayangi, tiada suatu pun di dalam dunia ini yang dapat membalas segala pengorbanan dan segala kasih sayang yang telah dicurahkan. Semoga Allah jua yang dapat membalasnya.

Jutaan terima kasih juga ingin diucapkan kepada abang-abang yang sentiasa mendatangkan motivasi. Kepada Kak Pilah, Ucu, Acik dan Kak Mah, terima kasih kerana menjadi seorang kakak, kawan, teman ketawa, teman menangis dan segala-galanya bagi diri penulis.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam menyiapkan kertas projek ini secara langsung dan secara tidak langsung.

Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi semangat dan tidak segan silu untuk memberi kritikan yang membina.

Semoga Allah akan melimpahkan rahmatNya ke atas kalian semua. Segala bantuan dan sokongan yang diberikan akan dikenang sehingga akhir hayat.

ABSTRAK

Adat Perpatih adalah salah satu undang-undang adat yang diamalkan di Malaysia dan salah satu ciri budaya Melayu yang unik di Negeri Sembilan. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisa prosedur perlantikan Undang mengikut prinsip-prinsip adat di setiap luak dan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan kuasa budi bicara memilih Undang.

Latarbelakang sejarah kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan definisi adat berserta dengan kategorinya akan dijelaskan di dalam Bab Satu. Sistem Nasab Ibu yang merupakan ciri penting dalam Adat Perpatih juga akan diperkenalkan dalam bab yang sama. Bab Dua akan memperkenalkan empat luak yang menjadi skop kajian dan juga struktur politik yang diamalkan termasuk juga syarat-syarat kelayakan yang diperlukan pada seorang pemimpin mengikut Adat Perpatih.

Bab Tiga kertas projek ini akan menekankan pada prosedur perlantikan Undang yang berbeza mengikut luak masing-masing. Manakala Bab Empat akan menumpukan perbincangan kepada konflik perlantikan Undang yang timbul di Luak Sungai Ujong dan Luak Jelebu. Bab ini juga akan mengandungi alasan atau faktor penyebab krisis tersebut dan pandangan dan syor daripada penulis untuk menangani masalah yang akan datang kerana sesungguhnya mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.

ABSTRACT

Adat Perpatih is one of the customary laws practiced in Malaysia and one of the unique features of Malay cultures in Negeri Sembilan. The purpose of this study is to analyse the election procedure of the Ruling Chief or Undang according to the principles of this custom in every 'luak' and the problem faced in exercising the discretion in selecting an Undang.

The historical background of the existence of Adat Perpatih in Negeri Sembilan and the definition of custom and its categories will be dealt in the First Chapter. The Matrilineal System which is a vital element in Adat Perpatih is also introduced in the same chapter. The Second Chapter will be dealing with the introduction to the four territories that are involved in this discussion and also the political structure practised there inclusive of all the pre-conditions and qualifications required of a leader in Adat Perpatih.

The Third Chapter of this project paper will give great emphasis on the procedure of the election of an Undang that varies according to territory. Whereas the Fourth Chapter which will concentrate solely on the conflict which arised in Luak Sungai Ujong and Luak Jelebu concerning the election of their respective Undang. This chapter also will consist of the reasons behind these crisis and the writer's views and suggestions of how to overcome future problems for prevention is better than cure.

SENARAI KES

Dato' Menteri Othman bin Baginda & Anor v. Dato' Ombi Syed Alwi b. Syed Idrus [1981]
MLJ 29.

SENARAI STATUT

Perlembagaan Negeri, Negeri Sembilan
Perlembagaan Persekutuan

SENARAI LAMPIRAN

- | | | |
|--------------|---|---|
| LAMPIRAN "A" | - | Peta Negeri Sembilan |
| | | a) Luak-luak Adat |
| | | b) Luak yang diketuai Undang |
| | | c) Luak yang diketuai Penghulu |
| LAMPIRAN "B" | - | Rajah Salasilah Undang Jelebu |
| LAMPIRAN "C" | - | Carta Garis Keturunan Mengikut Nasab Ibu |
| LAMPIRAN "D" | - | Kes : Dato' Menteri Othman bin Baginda & Anor v. Dato' Ombi Syed Alwi b. Syed Idrus |

SENARAI SINGKATAN

Anor	-	Another
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
FSKK	-	Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan
hlm.	-	Halaman
ibid	-	ibidem
JMBRAS	-	Journal Of The Malayan Branch Royal Asiatic Society
JSBRAS	-	Journal Of The Straits Branch Royal Asiatic Society
MLJ	-	Malayan Law Journal
Sdn. Bhd.	-	Sendirian Bhd
U.K.M	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
U.M	-	Universiti Malaya
U.P.M	-	Universiti Pertanian Malaysia
v.	-	Versus/Lawan

Pengakuan	
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Senarai Kes	vi
Senarai Statut	vi
Senarai Lampiran	vi
Senarai Singkatan	vii
Pendahuluan	x

BAB

1. PENGENALAN

1.1	Latarbelakang Sejarah Kemasukan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan	1
1.2	Definisi	3
1.3	Mengenal Adat Perpatih dan Struktur Organisasinya	4
1.3.1	Adat Perpatih Secara Am	4
1.3.2	Pertalian Adat Perpatih dan dan Konsep Keadilan dan Kepimpinan	7
1.3.3	Kategori Adat	9
1.3.4	Sistem Nasab Ibu Dalam Adat Perpatih	13

2. LUK-LUK BERUNDANG DI NEGERI SEMBILAN

2.1	Pengenalan Kepada Luak-Luak di Negeri Sembilan	18
2.2	Pengenalan Kepada Luak Sungai Ujong	19
2.3	Pengenalan Kepada Luak Jelevu	22
2.4	Pengenalan Kepada Luak Rembau	25
2.5	Pengenalan Kepada Luak Johol	27
2.6	Struktur Politik Adat Di Setiap Luak	29

2.6.1	Konsep Pemimpin dan Demokrasi Dalam Adat Perpatih	29
2.6.2	Syarat-syarat Pemimpin	34
2.6.3	Pantang-larang Seorang Pemimpin	36
2.6.4	Perlantikan dan Tugas-tugas Ketua Adat Di Bawah Undang	38

3. PERLANTIKAN UNDANG

3.1	Institusi Undang	45
3.2	Perlantikan Undang Luak Sungai Ujong	49
3.2.1	Pendahuluan	49
3.2.2	Waris di Sungai Ujong	51
3.2.3	Cara Perlantikan Undang Sungai Ujong	56
3.3	Perlantikan Undang Luak Rembau	60
3.4	Perlantikan Undang Luak Johol	65
3.5	Perlantikan Undang Luak Jelebu	68
3.6	Penutup	72

4. KRISIS PERLANTIKAN UNDANG

4.1	Krisis di Luak Sungai Ujong	73
4.2	Krisis Perlantikan Undang Luak Jelebu	79
4.3	Faktor Penyebab Krisis	83
4.3.1	Kuasa Lembaga Tiang Balai	83
4.3.2	Kefahaman Terhadap Adat	86
4.3.3	Sistem Giliran	87
4.4	Cadangan Penyelesaian Krisis	89
4.4.1	Peranan Dato' Lembaga	90
4.4.2	Kebulatan	92
4.4.3	Peranan Dewan Keadilan dan Undang	95
4.5	Penutup	98

PENDAHULUAN

"Adat Berakar ke bumi
 Berpucuk ke langit
 Adat bersendikan hukum
 Hukum bersendikan kitabullah
 Adat sudah bertentu
 Bilang telah teratur
 Alam dah beraja
 Luak telah berundang
 Matahari telah terbit
 Bulan telah mengambang
 Oleh itu janji jangan berubah
 Setia jangan beralih
 Hidup bak lopak, bak sawah
 Bak Uang Bak durian
 Mengaji pada Alif
 Berbilang pada satu"

Diatas adalah antara keratan kata-kata Dato' Andika Mendelika¹ Ketua Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong ketika pertabalan Dato' Kelana Mubarak Thahak, Undang Luak Sungai Ujong yang ke-10. Dari ungkapan di atas ternyata Adat Perpatih masih dianggap adat yang mulia dan unggul. Pengamal Adat Perpatih di Negeri Sembilan masih lagi bergantung kepada perbilangan adat yang unik lagi bermakna untuk mengekalkan hidup yang harmoni dan tetap bersatu walaupun di zaman yang serba moden ini.

Dalam kertas Projek ini, penulis akan menumpukan aspek kajian kepada amalan dan perjalanan Adat Perpatih di Negeri Sembilan khususnya kajian penulis akan tertumpu pada pentadbiran politik dan pemimpin-pemimpin adat.

¹ Dato' Hj. Abd. Malek b. Joned

Masyarakat Adat Perpatih adalah satu masyarakat yang amat menghormati dan memandangi tinggi kepada ketua atau pemimpin mereka. Oleh yang demikian, pemilihan pemimpin-pemimpin di dalam Adat Perpatih akan dipilih secara teliti dengan mengamalkan sistem demokrasi di mana suara yang terlantang adalah suara dari anak-anak buah yang dipimpin. Anak buah yang berhak melantik dan anak buah juga yang berhak untuk memecat pemimpin mengikut kata-kata adat:-

Bulat anak buah menjadikan Buapak
Bulat Buapak menjadikan Lembaga
Bulat Lembaga menjadikan Undang
Bulat Undang menjadikan Keadilan/Raja

'Kebulatan' atau 'kata sepakat' atau 'muafakat' adalah tunggak atau dasar bagi pemilihan pemimpin-pemimpin adat. Sekiranya tiada muafakat keadaan akan menjadi kucar-kacir dan pertelingkahan akan berlaku.

Tujuan penulisan ini adalah untuk mengkaji prosedur atau proses perlantikan Undang di Luak-luak Sungai Ujong, Jelevu, Johol dan Rembau. Seterusnya penulis akan menyingkap beberapa krisis yang berlaku yang berkisar tentang perlantikan Undang dan perebutan kuasa antara waris-warisan yang mengaku masing-masing lebih berhak untuk menyandang pesaka Undang.

Oleh itu, sebahagian besar metodologi kajian penulis adalah berdasarkan kajian yang terperinci terhadap journal, artikel buku-buku teks dan keratan akhbar yang membicarakan tentang Adat Perpatih. Secara ringkas, penulis akan banyak merujuk kepada bahan penulisan di perpustakaan. Penulis juga akan melakukan beberapa temubual dengan pakar adat yang berpengalaman tentang perjalanan Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Kertas Projek ini akan menyarankan bahawa Adat Perpatih hendaklah dikaji secara mendalam dan bukan sekadar mengetahuinya di atas permukaan sahaja. Ini adalah supaya tidak berlaku apa-apa pertelingkahan yang tidak diingini dan supaya terdapat ramai lagi yang arif dalam pentadbiran adat dan bukannya bergantung kepada generasi tua atau generasi yang terdahulu. Tidak semua masalah tidak boleh diselesaikan kerana 'tiada keruh yang tidak jernih, tiada kusut yang tidak selesai'.

Sememangnya untuk menyelesaikan pertelingkahan adat bukanlah perkara yang mudah kerana penyelesaiannya mestilah memuaskan hati kedua-dua pihak yang bertelingkah, diibaratkan seumpama :-

Menarik rambut dalam tepung

Rambut jangan putus

Tepung jangan berserak

Kalau mengikut maksud perpatah ini, dalam menyelesaikan satu-satu masalah menurut adat dan budaya janganlah sampai 'berpatah arang berkerat rotan' dan penyelesaiannya mestilah yang terbaik untuk semua pihak.

Melalui Bab Satu, penulis menyentuh latarbelakang sejarah kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan, definisi umum Adat Perpatih dan konsep garis keturunan nasab ibu dan kepentingannya dalam masyarakat Adat Perpatih. Seterusnya dalam Bab ini juga penulis menjelaskan kategori-kategori adat dan bagaimana ia diaplikasikan.

Bab Dua pula lebih menumpukan kepada pengenalan dan sejarah empat buah Luak (i.e. Luak Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau) yang menjadi skop kajian penulis. Seterusnya Bab ini membincangkan struktur politik Adat Perpatih yang diamalkan secara am di setiap luak. Dalam membincangkan tentang perkembangan politik adat, penulis menyentuh konsep demokrasi, syarat-syarat, pantang-larang dan perlantikan pemimpin-pemimpin adat.

Selain daripada itu, Bab Tiga kertas projek ini memberi penekanan kepada institusi Undang yang unik yang hanya wujud di Negeri Sembilan. Prosedur perlantikan Undang adalah penekanan utama Bab ini di mana ia menyentuh suku atau waris yang layak untuk menyandang pusaka Undang di tiap-tiap empat luak yang berundang tersebut dan bagaimana proses pemilihan dijalankan dan siapa bertanggungjawab atau yang berkuasa untuk menjalankan perlantikan.

Melalui kajian di dalam Bab Tiga jelas terdapat persamaan yang ketara dan juga sedikit perbezaan dalam proses perlantikan Undang di Luak-luak yang berbeza.

Di bawah bab terakhir iaitu Bab Empat, penulisan berkisar tentang krisis yang berlaku mengenai perlantikan Undang di Luak Sungai Ujong dan Luak Jelevu. Krisis berlaku tertumpu kepada perebutan kuasa dan ketidaksepakatan yang berlaku di kalangan Dato'-dato' lembaga sesama sendiri. Di dalam bab ini juga penulis akan menyentuh faktor penyebab konflik ini terjadi dan cadangan-cadangan dari penulis sendiri bagaimana hendak menangani masalah ini supaya tidak berulang kembali.

Sememangnya, setiap masalah sekiranya tidak diselesaikan segera, ia akan berpanjangan, daripada kudis akan menjadi pekung. Daripada pekung ia akan menular ke seluruh masyarakat yang masih memegang teguh dan masih sayang pada adat yang boleh menyatukan mereka. Oleh yang demikian pentadbiran adat hendaklah dibuat mengikut peraturan adat yang telah ditetapkan. Adat Perpatih harus dipertahankan dan bukannya dijadikan batu loncatan untuk mencapai kepentingan dan kepuasan nafsu sendiri. Sesungguhnya benar kata adat :-

Tiada keruh yang tidak jernih
 Tiada kusut yang tidak selesai
 Sesat di hujung jalan
 Balik ke pangkal jalan
 Bulat air kerana pembetong
 Bulat manusia kerana muafakat

BAB TIGA

PERLANTIKAN UNDANG

3.1 Institusi Undang

Negeri Sembilan adalah satu-satunya negeri yang mempunyai sebuah institusi yang mengandungi sekumpulan pemimpin yang dibawah Raja. Pemimpin-pemimpin ini dianggap setaraf dan dimuliakan seperti Raja. Ini adalah kerana mereka berkuasa sepenuhnya untuk melantik Raja.

Gelaran Undang yang diberikan pada mereka sejak dari dahulu lagi melambangkan kuasa yang dipegang dan tanggungjawab yang datang bersamanya.

Undang adalah satu fenomena yang unik bukan saja dari segi kedudukan tetapi juga pada proses perlantikannya yang penuh dengan adat istiadat yang masih dijalankan dengan gilang-gemilang.

Istilah Undang digunakan khusus untuk ketua-ketua luak-luak Sungai Ujong, Jelevu, Johol dan Rembau. Manakala untuk luak-luak yang lain ketua-ketua mereka digelar Penghulu kecuali bagi luak Tampin ketuanya digelar Tunku Besar Tampin.

Undang akan dicalunkan dari satu suku waris Biduanda kerana dipercayai suku ini adalah suku yang asal menduduki Negeri Sembilan dan suku-suku lain adalah dianggap sebagai pendatang.

Suku Biduanda ini mempunyai beberapa perut didalamnya dan setiap perut mempunyai giliran untuk mencalunkan Undang bagi mewakili perut mereka. Proses perlantikan Undang mengikut salasilah yang sebenar akan disentuh lebih lanjut dalam bab ini.

Sebenarnya, proses perlantikan Undang yang dilaksanakan di Negeri Sembilan adalah agak berbeza daripada apa yang dilaksanakan di Tanah Minangkabau. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh signifikasi jawatan tersebut di tanah Minangkabau kerana jawatan Undang bukan semata-mata mengisi kerusi yang kosong tetapi memainkan peranan yang amat penting.

Di Minangkabau, Undang atau Penghulu mempunyai pemangku atau digelar Penongkat di mana penongkat kepada Penghulu ini akan dilantik di hari yang sama dengan perlantikan Undang itu sendiri tetapi beliau tidak menjalani upacara yang ketat. Jadi, boleh dikatakan semasa menjadi timbalan kepada Undang, beliau akan menjalani latihan secara tidak formal bagi menyediakan dirinya. Pemangku ini akan menjadi Undang secara automatik sekiranya Undang meninggal dunia. Dari sini, penulis membuat kesimpulan bahawa di Minangkabau, institusi Undang lebih berkesan daripada di Negeri Sembilan.

Penulis ingin memperjelaskan lagi serba sedikit tentang perbezaan dan persamaan antara proses perlantikan Undang di Negeri Sembilan dan Tanah Minangkabau. Persamaan yang paling nyata adalah dari segi syarat-syarat, sifat dan pantang larang pemimpin kerana semua kriteria ini telah termaktub di dalam perbilangan-perbilangan adat yang terpelihara keasliannya dari turun-temurun.

Walaupun masyarakat adat di Minangkabau mengutamakan kekayaan atau kebendaan sebagai syarat penting untuk menjadi seorang pemimpin. Ini adalah kerana seorang Undang itu mestilah berharta untuk membezakan kedudukannya dengan anak buahnya dan supaya beliau tidak menyusahkan anak buah yang dipimpinnya.

Di Negeri Sembilan syarat ini tidak menjadi tumpuan utama, memadai sekiranya calon tersebut menduduki strata sosial yang melebihi sedikit dari masyarakat sekeliling, contoh yang paling mutakhir adalah Undang Luak Sungai Ujong yang kesepuluh yang baru dilantik selepas bertahun-tahun jawatan tersebut kosong adalah seorang kerani bank yang sederhana. Kedudukan kewangan atas kebendaannya tidak

menjadi kriteria utama beliau dipilih. Mubarak Thahak @ Dohak telah dilantik secara rasminya pada 29hb. Disember 1993 yang lalu.¹

Konsep kebulatan suara dalam pemilihan Undang adalah satu-satunya perkara yang sama diamalkan di Tanah Minangkabau dan di Negeri Sembilan. Ini dalam Adat Perpatih tidak boleh lari daripada konsep muafakat dan demokrasi bak kata perpatih:-

Bulat anak buah menjadikan Buapak
 Bulat Buapak menjadikan Lembaga
 Bulat Lembaga menjadikan Penghulu
 Bulat Penghulu menjadikan Raja

Di Negeri Sembilan proses perlantikan seorang Undang dimulakan dengan temuduga yang diadakan oleh Lembaga Jemaah Pemilih iaitu Lembaga Tiang Balai terhadap semua calon-calon yang dikemukakan. Sebaliknya di Minangkabau tidak wujud sebuah badan yang rasmi dan tiada diadakan upacara temuduga tetapi digantikan dengan upacara lain yang dinamakan upacara 'mengisi adat' berupa bayaran wang yang akan dibahagikan di kalangan pembesar-pembesar yang hadir dalam konteks masa kini pembayaran wang adat dimaksudkan sebagai mengisi kertas pencalonan.

Pada kebiasaannya, sebaik sahaja seseorang Undang itu meninggal dan jawatannya perlu diisi, Dato' Lembaga yang terlibat akan sibuk mencari pilihan yang terbaik. Di Minangkabau, proses mencari ganti Undang adalah lebih kompleks kerana calon-calon dikehendaki berpidato terlebih dahulu bertujuan untuk memberitahu orang ramai dan menyakinkan anak buah yang bakal dipimpin tentang kewibawaan dan keupayaan bakal undang tersebut. Upacara ini dinamakan upacara menegakkan persaka.²

¹ News Straits Times, 30hb. Disember 1993.

² A.M. Datuk Maruhun Batnah, Hukum Adat dan Adat Minangkabau, N.V Poesaka Asli, Djakarta, 1957, hlm. 22.

Secara amnya Undang berfungsi untuk menjaga keamanan dan kemakmuran di luaknya dan mengelakkan daripada anak buahnya berpecah-belah. Oleh yang demikian, lebih penting dari tugas-tugas lain, Undang adalah merupakan lambang (*solidarity*) atau lambang masyarakat yang bersatu seia-sekata. Sekiranya satu-satu luak tidak mempunyai Undang maka ini menampakkan ada perpecahan diantara anak buah, Buapak dan Lembaga di mana mereka tidak sepakat sehingga Undang tidak dapat dilantik. Perkara ini dapat dilihat melalui krisis perlantikan Undang Luak Sungai Ujong yang ke sepuluh yang berpanjangan seperti retak yang menunggu belah. Sesungguhnya perkara seperti ini patut dielakkan.

Hubungan seorang Undang dengan anak buahnya mestilah dipelihara dengan baik kerana setiap anak buah ada peranannya :-

Kalau cerdik dibawa berunding
 Kalau bodoh suruh diarah
 Kalau pekak bakar meriam
 Kalau buta menumbuk lesung
 Kalau sipatah menjaga jemuran³

Kuasa Undang adalah pada luaknya, dari segi adat kuasa beliau adalah mutlak sehinggakan Yang DiPertuan Besar sendiri tidak boleh campurtangan dalam pentadbiran luak tersebut. Ini diperjelaskan lagi dengan kata perbilangan:-

Raja menobat di dalam alam
 Penghulu menobat di dalam luak
 Lembaga menobat di dalam lingkungannya
 Buapak menobat pada anak buahnya
 Orang banyak menobat di dalam terataknya

³ A. Ghafar Abdullah, Khas Gemencheh, Dewan Budaya, November 1982, hlm. 8.

Oleh yang demikian, kuasa tersebut sepatutnya digunakan dengan bijaksana.

3.2 Perlantikan Undang Luak Sungai Ujong

3.2.1 Pendahuluan

Perlantikan ketua Adat bagi luak Sungai Ujong adalah yang paling unik jika dibandingkan dengan tiga luak yang lain. Ini adalah kerana di Sungai Ujong terdapat Undang yang bertaraf 'dua sela' iaitu Dato' Klana Putra yang mewakili Waris Kelana yang tergolong dalam waris Di Darat dan Dato' Syahbandar wakil dari Waris di Air.

Seperti yang telah ditekankan, perlantikan Undang, adalah berdasarkan:-

Bulat suku menjadikan Buapak
 Bulat Buapak menjadikan Lembaga
 Bulat Lembaga menjadikan Penghulu
 Bulat Penghulu menjadikan Raja

Sebenarnya, secara praktikal, perlantikan ini mengandungi satu perjumpaan awal diantara satu jawatankuasa yang dianggotai oleh:-

- a) Ketua Waris bagi Perut di Hulu
 Dato' Johan
- b) Ketua Waris bagi Perut di Hilir
 Dato' Maharajalela

- c) "Anggota ketiga adalah" merupakan seorang waris tertua yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai urusan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong.⁴

Cadangan atau usulan daripada jawatankuasa ini mestilah sebulat suara, sebelum disampaikan kepada majlis yang berhak melantik Undang iaitu Lembaga Tiang Balai.

'Kebulatan suara' ini di Sungai Ujong, Rembau dan Jelebu membawa maksud bahawa mana-mana minoriti walaupun seorang di mana alasannya menentang pencalonan adalah hanya sebab kekeluarga, seorang ini boleh membatalkan suara majoriti. Cara ini mungkin untuk mengekalkan sistem demokrasi dimana setiap anak buah diberi hak untuk bersuara. Tetapi sistem ini amat menyukarkan kerana selagi semuanya tidak bersetuju cadangan tidak akan boleh dihadapkan di hadapan Lembaga Tiang Balai. Kemudiannya dicadangkan bahawa interpretasi sebenar yang harus diberikan pada peraturan ini adalah selepas berbincang sesama sendiri, minoriti mestilah menerima keputusan undian golongan majority.⁵

Sekiranya jawatankuasa gagal menamakan mana-mana calon maka perkara ini akan diserahkan kepada Lembaga Tiang Balai, Majlis Lembaga Tiang Balai ini adalah satu badan amat besar peranannya kerana lembaga ini merupakan badan penasihat bagi Undang Dato' Klana dan Dato' Shahbandar, Lembaga Tiang Balai terdiri daripada:-

- a) Dato' Andika dari Waris Di Darat.
- b) Dato' Sri Maharaja Di Raja dari Waris Di Air.
- c) Dato' Akhirzaman dari Waris Rantau.

⁴ J.M. Gullick, Sungai Ujong, hlm. 32.

⁵ Ibid, hlm. 25.

- d) Giliran antara Dato' Dagang dari Paroi dan Dato' Penghulu Muda dari Labu. Tempat ini dahulunya diduduki oleh Dato' Amar Penghulu dari waris Ulu Klawang yang tidak layak lagi untuk menduduki majlis ini kerana beliau adalah Lembaga di Daerah Jelevu.

3.2.2 Waris di Sungai Ujong

Waris di Darat

Waris di Darat, terkandung di dalamnya Waris Kelana dan Waris Dato' Andika. Dato' Klana Putra Undang bagi Luak Sungai Ujong diambil daripada Waris Kelana sahaja dan Dato' Andika, lembaga kepada seluruh waris Di Darat diambil daripada waris Dato' Andika. Keseluruhannya Waris Di Darat ini meliputi kawasan atau mukim-mukim seperti Pantai, Ampangan, Lenggeng, Setul dan sebahagian Seremban.⁶

Waris Kelana mengandungi dua perut iaitu Perut Di Hilir dan Perut Di Hulu. Perut-perut ini selalunya akan bergilir-gilir menjadi calon Dato' Klana. Giliran ini mengikut logiknya sahaja tetapi hakikatnya ia tidak diikuti secara ketat. Perut Di Hilir diketuai oleh Dato' Lela Maharaja dan Perut Di Hulu diketuai oleh Dato' Johan.


Dalam sistem ini terdapat satu jawatan tambahan yang bergelar 'Telaga Undang' yang dipegang oleh seorang perempuan daripada Perut Hulu.⁷ Tugas penjawat jawatan ini adalah sebagai badan timbangtara untuk menyelesaikan apa-apa pertelingkahan yang berlaku di Pantai yang mana akan dirujuk oleh Dato' Andika kepadanya.

⁶ M.B. Hooker, *Adat Laws in Malaya*, Oxford University Press, London 1972, hlm.148.

⁷ Ibid, hlm. 151.


Waris Dato' Andika atau dikenali juga sebagai waris Pantai adalah berasal dari keturunan Toh Sri Menari, anak perempuan kepada Bendahara Sekudai.⁸

Dato' Andika, Ketua Lembaga bagi Waris Di Darat dibantu oleh timbalannya yang bergelar Dato' Sinda Maharaja. Waris Dato' Andika ini kebanyakannya tinggal di kawasan Mukim Pantai. Ketua-ketua waris dan kumpulan suku dibawahnya boleh dilihat melalui rajah di bawah :-



⁸ J.M. Gullick, hlm. 43.

Struktur Waris Di Darat termasuk Waris Kelana dan Waris Dato' Andika dan susunan wilayah jajahannya dapat dilihat dalam Rajah dibawah :-



Waris Di Air

Waris Di Air ini adalah dari keturunan Toh Semeraga, seorang lagi anak perempuan Bendahara Sekudai, Lembaga bagi Waris Di Air ini adalah Dato' Sri Maharaja di Raja. Jawatan ini telah dipisahkan daripada jawatan Dato' Shahbandar pada akhir abad ke 18.

Dibawah ini adalah senarai empat perut dan Buapak mereka sekali yang terkandung dalam Waris Di Air :-

<u>Perut</u>	<u>Buapak</u>
a) Nenek Sulong	- Sri Amar Raja
b) Susudara	- Sri Amar Menteri
c) Susuganda	- Dato' Paduka
d) Tunggal	- Dato' Menteri Penghulu

Terdapat giliran di antara empat perut ini bagi bertanding untuk calon jawatan Dato' Shahbandar tetapi tiada giliran tertentu dibentuk bagi jawatan Dato' Sri Maharaja.

Mengikut Perkara XV, Perlembagaan Negeri, Negeri Sembilan, dalam mengendalikan pentadbiran adat di Sungai Ujong mestilah ada kerjasama dan perbincangan atau (*consultation*) diantara Dato' Klana dan Dato' Shahbandar adalah merupakan anggota Dewan Keadilan dan Undang.

Sememangnya fungsi Dato' Shahbandar adalah seolah-olah sebagai 'Undang' bagi Waris Di Air tetapi dari segi adatnya kedudukan Dato' Shahbandar tidak pernah setaraf dengan Undang Dato' Klana. Ini adalah kerana segala apa perlantikan jawatan Adat di dalam Waris Di Air hendaklah disahkan oleh Dato' Bandar dan selepas itu oleh Dato' Klana yang kemudiannya mengisytiharkan perlantikan itu kepada kerajaan Negeri. Tambahan pula

Lembaga Waris Di Air, Dato' Maharaja Di Raja adalah anggota Lembaga Tiang Balai jadi, secara teorinya Undang Dato' Klana boleh campurtangan dalam hal-ehwal dalaman Waris Di Air.

Walaupun begitu, konflik kuasa antara Dato' Klana dan Dato' Shahbandar telah bermula dari dahulu lagi kerana Dato' Shahbandar cuba mendapat pengiktirafan sebagai 'Undang bersama' bagi Luak Sungai Ujong. Pada tahun 1922 Dato' Shahbandar pada ketika itu Dato' Bandar Hj. Ahmad telah menghantar sepucuk surat kepada Residen British di Negeri Sembilan yang berbunyi :-

"Adalah dikatakan Undang itu bagi luak Sungai Ujong ini adalah Dato' Klana Putra dan Dato' Bandar. dan jikalau tumbuh apa-apa hal di dalam Waris Di Darat habis oleh Dato' Klana Putra dan jikalau tumbuh apa-apa pula hal di dalam Waris Di Air habis oleh Dato' Bandar, tiada boleh ganggu mengganggu kedua pihaknya"⁹

Walaubagaimanapun, pada hakikatnya Dato' Shahbandar memang berkuasa penuh dalam daerah atau wilayah Waris Di Air tanpa campurtangan Dato' Klana.

Sebenarnya Dato' Shahbandar dan Dato' Klana haruslah bekerjasama dalam menjalankan pentadbiran di Sungai Ujong seperti kata perbilangan:-

Hilang di darat di air mencarikan

Hilang di air di darat mencarikan

Laksana mata hitam dengan mata putih

Telur sebiji sama ditatang, pesaka satu sama dibela

⁹ J.M Gullick, hlm. 36.

Perbilangan ini seolah-olah mengatakan bahawa Dato' Shahbandar dan Dato' Klana adalah pemegang bersama jawatan Undang dan masing-masing adalah pemangku antara satu sama lain sekiranya jawatan Undang, kosong. Perbilangan ini juga mencadangkan perlunya kerjasama di antara kedua-dua waris supaya tanggungjawab sama-sama dipikul dan tidak berpecah-belah.

3.2.3 Cara Perlantikan Undang Sungai Ujong

Perlantikan Undang Luak Sungai Ujong adalah berdasarkan teromba atau salasilah Sungai Ujong. Teromba ini adalah merupakan satu perlembagaan yang lengkap. Teromba ini hanya boleh dimiliki oleh Undang sahaja. Waris-waris tidak berhak memiliki teromba ini dan jika didapati mereka memilikinya maka mereka akan dihukum.¹⁰

Pemilih Undang adalah terdiri daripada ahli-ahli lelaki dan perempuan bagi Waris Klana termasuklah ketua-ketua perut. Calon yang dipilih mesti mendapat pengesahan daripada Lembaga Tiang Balai.

Apabila Undang meninggal dunia, kuasa untuk menjalankan proses perlantikan Undang yang baru terletak di tangan Dato' Andika iaitu anggota tertua Lembaga Tiang Balai Dato' Andika akan memanggil Waris Klana dan anggota lain Lembaga Tiang Balai dengan tujuan membincangkan perlantikan Undang yang seterusnya. Pada peringkat ini Majlis Lembaga Tiang Balai mempunyai kuasa untuk menjalankan pentadbiran menggantikan Undang. Di sini, tiada persoalan mengenai penganti (*regency*) kerana selagi Dato' Klana belum dikebumikan, jawatan tersebut masih berisi.

¹⁰ Siti Zaharah bt Fadzil, Adat Perpatih : Perlantikan Undang Luak Sungai Ujong, Kertas Projek, Fakulti Undang-Undang U.K.M 1990/91, hlm. 56.

Pada adatnya, Dato' Klana yang baru mestilah dilantik sebelum yang lama dikebumikan. Dato' Klana yang baru dilantik hendaklah duduk di atas usungan bersama jenazah Almarhum diusung ke perkuburan. Ini selaras dengan kata adat 'Klana mati, Klana menanamkan'. Mengikut teorinya, Dato' Klana yang meninggal dunia itu mestilah Dato' Klana juga yang menguruskan pengkebumiannya. Ini adalah merupakan tugas pertama bagi Dato' Klana yang baru itu. Upacara perlantikan penuh yang rasmi kebiasaannya akan dijalankan berbulan-bulan selepas daripada itu.

Seluruh prosedur perlantikan Undang ini adalah lengkap dari segi jaminan dan langkah berjaga-jaga, walaupun begitu terjadi juga kebuntuan atau perkara-perkara yang tertangguh semasa proses awal pemilihan Undang. Memang sukar untuk diharapkan yang jawatankuasa pemilihan akan mencapai kata sepakat atas calon yang terbaik sedangkan calon yang kurang layak mungkin akan menentang. Sebaliknya pengkebumian Dato' Klana tidak boleh ditangguhkan selamanya. Jadi, sebagai jalan penyelesaiannya adalah untuk melantik Undang Sementara atau Pemangkunya dan Pemangku ini akan menjalankan tugas-tugas seorang Undang buat sementara waktu sebelum Undang yang sebenarnya dilantik.

Pemangku Undang sementara ini tidak semestinya diambil daripada Waris Kelana. Ini adalah kerana didapati seorang yang diluar Waris Kelana lebih adil dan tidak akan berat sebelah. Sayang secara praktisnya ini tidak berlaku kerana persoalan pemangku ini pun mendatangkan masalah dan perebutan di antara Waris Di Darat dan Waris Di Air. Mengikut pendapat Dato' Shahbandar wakil Waris Di Air, perpatih yang berbunyi 'Hilang di Darat di Air mencarikan' adalah sebagai autoriti bahawa jawatan Pemangku tersebut sepatutnya jatuh kepada Dato' Shahbandar sebagai haknya. Manakala Waris Di Darat pula berpendapat bahawa Dato' Andika ketua Lembaga Waris Di Darat dan juga merupakan ketua Lembaga Tiang Balai akan menjadi

Pemangku secara automatik.¹¹

Semasa proses mencari pengganti Undang, calon akan dipilih secara berhati-hati. Calon yang layak akan dikemukakan oleh Buapak kepada Dato' Lembaga. Nama yang dicalonkan boleh lebih daripada satu, nama-nama ini akan diserahkan kepada Lembaga Tiang Balai untuk diteliti peribadi dan latarbelakang masing-masing. Ini adalah untuk memastikan calon yang benar-benar layak sahaja akan diketengahkan. Hanya nama seorang calon sahaja yang akan dikemukakan kepada Dewan Keadilan dan Undang untuk disahkan dan kemudian diiktirafkan oleh kerajaan negeri.

Proses pencalonan ini boleh dijelaskan dengan gambarajah di bawah:-



Huraian :-

Calon-calon yang dikemukakan telah ditapis oleh Dato'-Dato' Lembaga daripada tiga suku besar di Sungai Ujong. Nama calon ini akan diserahkan kepada Ketua Lembaga Waris Kelana yang kemudiannya menyerahkan nama tersebut kepada Dato' Andika sebagai Ketua Lembaga Tiang Balai. Calon ini kemudiannya akan diserahkan seterusnya untuk diisytiharkan oleh Dato'

¹¹ Gullick, hlm. 33.

Shahbandar. Pengisytiharan ini disaksikan oleh pegawai-pegawai kerajaan .. dengan restu Dewan Keadilan dan disahkan oleh Menteri Besar.¹²

Sekiranya dilihat pada proses perlantikan Undang ini, secara teorinya ia amat mudah sekiranya peraturan dipatuhi dengan teliti. Pada hakikatnya pemilihan Undang adalah amat sukar terutamanya pada peringkat awal pemilihan dimana kadang-kadang terlalu ramai calon yang sama-sama layak untuk memegang jawatan tersebut. Kebiasaannya di peringkat inilah konflik perebutan kuasa selalu timbul.

Perkara-perkara asas yang mesti dipenuhi oleh bakal Undang adalah seperti berikut :-

- a) Mestilah dari waris perut yang layak.
- b) Keturunan dikira dari garis nasab ibu.
- c) Daripada keturunan yang baik dan tidak cacat dari segi mental mahupun fizikal.
- d) Syarat memerintah - bijaksana dari segi hal ehwal adat dan syarak.
- e) Calon mestilah dipersetujui untuk memimpin dan diterima oleh waris dan anak buah.

Sebenarnya, syarat-syarat di atas amat sukar untuk dipenuhi kerana kata sepakat tidak mudah untuk dicapai kerana kemungkinan akan ada bantahan pada pencalonan adalah amat tinggi. Adalah tugas Lembaga Tiang Balai untuk memastikan pemilihan Undang berjalan dengan aman, tidak sampai berlakunya perpecahan.

¹² Siti Zaharah bt. Fadzil, hlm. 58

3.3 Perlantikan Undang Luak Rembau

Pentadbiran Adat di Rembau seakan-akan sama seperti di Jelevu kerana di luak ini lebih kuasa yang agak besar diberikan kepada Lembaga.

Terdapat tiga kumpulan lembaga yang berperanan sebagai badan penapis apa sahaja keputusan yang akan diambil oleh Undang. Tiga kumpulan dato'-dato' lembaga ini juga berperanan membantu Undang dalam menjalankan pentadbiran di Luak Rembau.

Lembaga Tiang Balai adalah satu badan yang mengandungi lapan orang Dato' Lembaga daripada suku yang tertentu. Lembaga Tiang Balai yang Delapan inilah memainkan peranan yang amat penting dalam proses perlantikan Undang Luak Rembau. Lembaga ini dibahagikan kepada dua wilayah iaitu Daerah Baroh dan Daerah Darat.

Di bawah ini adalah senarai Dato' Lembaga yang Delapan mengikut suku yang diwakili :-

<u>Dato' Lembaga :</u>	<u>Suku</u>
<u>Daerah Baroh</u>	
a) Dato' Gempa Maharaja	Batu Hampar
b) Dato' Merbangsa	Paya Kumboh
c) Dato' Bangsa Balang	Tiga Nenek
d) Dato' Samsura Pahlawan	Mungkal

Daerah Darat

e) Dato' Sri Maharaja	Paya Kumboh
f) Dato' Sinda Maharaja	Sri Lemak

- | | | |
|----|-----------------|-------------------|
| g) | Dato' Andika | Batu Belang |
| h) | Dato' Mendelika | Seri Semelenggang |

Sebelum nama calon Undang sampai ke tangan Dato' Lembaga Delapan ini, calon Undang hendaklah diambil daripada Waris Jakun di dalam Perut Lela Maharaja dan Waris Jawa di dalam Perut Sedia Raja. Secara teorinya kedua-dua perut ini akan mengikut giliran masing-masing dalam membekalkan Undang, tetapi giliran ini agak kurang efektif.

Sebaik sahaja Undang meninggal dunia penggantinya harus dicari dengan segera kerana pengganti Undang hendaklah dilantik sebelum beliau dikebumikan.

Proses pemilihan calon dimulakan dengan mesyuarat antara Buapak-Buapak daripada lapan buah kampung yang diduduki Perut Lela Maharaja dan Perut Sedia Raja. Mesyuarat ini akan diketuai oleh Dato' Perba iaitu Dato' Lembaga bagi Waris Biduanda.

Di bawah adalah senarai Buapak bagi Perut Lela Maharaja dan Perut Sedia Raja mengikut kampung masing-masing.¹³

Buapak Perut Lela Maharaja

- | | | |
|----|------------------|---------------------------|
| a) | Siamar Raja | Kampung Kota |
| b) | Paduka | Kampung Cengkau & Cembong |
| c) | Menteri Maharaja | Kampung Gadung |
| d) | Juan | Kampung Tebat |

¹³ Rohana Mohd. Shariff, hlm. 74.

Buapak Perut Sedia Raja

- | | | | |
|----|---------------------|---|-----------------|
| a) | Menti | - | Kampung Bukit |
| b) | Orang Kaya Muda | - | Kampung Pulau |
| c) | Orang Kaya Maharaja | - | Kampung Tanjung |
| d) | Orang Kaya Menteri | - | Kampung Tengah |

Kerapatan yang dibuat bertujuan untuk menentukan giliran waris mana yang layak. Calon yang dikemukakan dalam kerapatan ini telah dipersetujui secara muafakat oleh Buapak dan Dato'-Dato Lembaga. Calon-calon ini akan menjalani peringkat penapisan walaupun di tahap awal pemilihan. Sekiranya calon yang dicadangkan didapati tidak bersesuaian atau garis keturunannya tidak menepati syarat maka cadangan tersebut akan ditolak oleh Lembaga.

Pada peringkat pertama proses perlantikan Undang Luak Rembau, Dato' Perba iaitu Dato' Lembaga bagi Waris Biduanda akan bermesyuarat dengan Orang Besar Undang Berempat di mana penapisan calon akan dibuat untuk kali kedua. Jawatankuasa ini akan memilih calon dengan cara temuduga.

Orang Besar Undang Berempat adalah terdiri daripada :-

- Dato' Shahbandar
- Dato' Mangku Bumi
- Dato' Menteri Lela Perkasa
- Dato' Raja di Raja

Sebenarnya, Orang Besar Berempat ini menganggotai satu majlis yang berfungsi menjadi penghubung dan memperseimbangkan kuasa antara Undang dan Buapak supaya kedua-dua golongan pemimpin akan tetap mempunyai hubungan yang baik dan bekerjasama.

Hakikatnya, Orang Besar ini merupakan Orang Kanan Undang tetapi mereka tidak berhak untuk menentukan calon Undang ataupun masuk campur dalam pemilihan 'benih' oleh anak-anak waris. Mereka cuma menjalankan temuduga dan mengemukakan soalan-soalan berkenaan latarbelakang keturunan dan pengetahuan calon tentang hukum adat. Keadaan fizikal calon juga diambilkira kerana kecacatan anggota akan menyebabkan kelayakan seseorang calon itu gugur. Kecacatan disini kadang-kadang diinterpretasikan juga sebagai 'kecacatan adat' di mana seseorang calon itu telah melakukan kesalahan adat yang boleh membuatkan dirinya hilang kelayakan sebagai bakal penyandang pesaka Undang.

Peringkat kedua proses perlantikan Undang ini merangkumi persembahan nama-nama calon kepada Dato'-Dato' Lembaga Tiang Balai yang Delapan di Balai Undang untuk menentukan seorang calon sahaja.

Sistem perlantikan Undang di Rembau adalah berlainan sedikit kerana Luak Rembau dibahagikan kepada Daerah Baroh dan Darat. Sistemnya akan berjalan seperti berikut; Waris-waris di Baroh akan membuat pilihan calon yang sesuai, selepas itu nama calon akan dikemukakan pada Lembaga Tiang Balai. Apabila seorang calon telah dipilih, nama calon akan diberitahu kepada waris-waris Daerah Darat untuk mengesahkan pilihan tersebut. Sistem ini adalah berdasarkan pada kata-kata adat yang berbunyi :-

Yang sebelah Baroh menjadikan

Yang sebelah Darat mengakui

Setelah segala proses penapisan selesai dijalankan dan kebulatan suara telah diperolehi maka boleh dikatakan keputusan rasmi telah dicapai dan boleh dihebahkan dan diterima.

Sekiranya bakal Undang terpilih dari Perut Lela Maharaja iaitu Waris Jakun maka Dato' Gempa Maharaja bertanggungjawab mengemukakan dan membuat pengisytiharan nama bakal Undang tersebut. Sebaliknya jika bakal Undang dari carak Sedia Raja iaitu Waris Jawa maka Dato' Merbangsa akan mengumumkannya.

Pada kebiasaannya, selepas pengisytiharan perlantikan akan diikuti pula dengan tembakan meriam sebanyak sembilan das. Tembakan ini menandakan berakhirnya proses pemilihan. Upacara pengisytiharan ini biasanya disaksikan oleh Pegawai Daerah dan Setiausaha Kerajaan Negeri kemudian Dato'-Dato' Lembaga akan datang menyembah secara tidak rasmi.

Adat istiadat Penabalan sebenar Undang ataupun dikenali dengan istilah adat-istiadat 'Kerjan' selalunya dibuat selepas tiga bulan beliau dilantik atau sebelum adat istiadat memperkenalkan dirinya kepada Yang Di Pertuan Besar dilaksanakan.

Semasa adat-istiadat kerjan ini dijalankan sekali lagi Dato' Perba akan mengisytiharkan nama Undang. Dato'-Dato' Lembaga akan datang menyembah bergilir-gilir mengikut taraf dan kedudukan masing-masing. Sekiranya ada Dato' Lembaga yang tidak mengadap tanpa sebab-sebab yang munasabah, ini seolah-olah menunjukkan yang dia tidak mengiktiraf perlantikan itu dan enggan menjunjung ke bawah Undang. Pada satu ketika dulu apabila ini terjadi, sebagai hukuman Dato'-Dato' Lembaga yang gagal menghadirkan diri akan dipecat serta-merta.¹⁴

Sekiranya Dato' Lembaga tidak dapat hadir kerana sakit maka seorang Orang Besar dalam sukunya boleh hadir sebagai ganti dirinya untuk menyembah.

Adat istiadat kerjan ini akan berakhir dengan bacaan doa selamat dan pada hari ini juga Undang yang baru dilantik itu dikehendaki menziarahi makam Undang yang meninggal dunia.

¹⁴ Pada tahun 1905 - tujuh orang Dato' Lembaga telah dipecat kerana tidak hadir dalam adat istiadat penabalan Dato' Lela Maharaja Hj. Sulong.

Demikianlah prosedur perlantikan Undang Luak Rembau yang mempunyai ciri-ciri keistimewaannya sendiri.

3.4 Perlantikan Undang Luak Johol

Proses Pemilihan Undang Luak Johol seperti juga di Luak-luak yang lain mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri.

Undang Luak Johol yang diberi gelaran Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan adalah dipilih daripada dua perut daripada suku Waris Biduanda iaitu Perut Johol dan Perut Gemenceh. Sepertimana biasa sebagai prinsip amnya, kedua-dua perut ini akan menyandang pesaka Undang secara bergilir-gilir.

Sebenarnya, dahulu terdapat tiga perut yang layak merebut gelaran Undang iaitu Perut Baroh, Perut Bukit dan Perut Gemenceh tetapi dalam tahun 1912 Perut Baroh dan Bukit telah disatukan di bawah Perut Johol, ini adalah kerana Perut Baroh dan Bukit adalah dari keturunan dua adik-beradik perempuan yang tidak pernah dianggap sebagai waris yang berlainan.¹⁵

Majlis yang melantik bakal Undang Luak Johol diketuai oleh Dato' Jenang yang merupakan 'kepala waris' iaitu ketua bagi Waris Biduanda. Jawatan Dato' Jenang akan dipegang secara bergilir-gilir antara tiga perut iaitu Perut Simpang, Perut Narusa dan Perut Kuala Johol. Jawatan Dato' Jenang memainkan peranan yang amat penting di dalam perlantikan Undang kerana beliau berfungsi sebagai 'kunci pesaka waris sila-sila'. Maksudnya beliau bertugas sebagai pengawas-adat-dan menentukan kedudukan waris-waris termasuklah mengadakan perhubungan rapat dengan Batin, Ketua Orang Asli setempat. Beliau juga akan berperanan sebagai

¹⁵ MB, Hooker, Reading On Malay Adat Laws, hlm. 163.

saksi semasa upacara penabalan Undang dijalankan.¹⁶

Dalam memilih bakal Undang ini, Dato' Jenang akan dibantu oleh Buapak yang Enam yang terdiri daripada :-

- i. Paduka Bangsa
- ii. Menggarang
- iii. Seibu Garang
- iv. Serumpun
- v. Baginda Malana
- vi. Paduka Raja Lela

Buapak yang Enam ini adalah bukan Waris Biduanda dan yang nyata mereka tidak layak atau tidak berhak sama sekali untuk merebut jawatan Undang. Buapak yang Enam ini bukanlah satu jawatankuasa yang bebas kerana mereka tertakluk pada kuasa Dato' Jenang.

Struktur Organisasi pentadbiran adat di Luak Johol berbeza sekali daripada struktur organisasi yang ada di luak-luak yang lain. Ini adalah disebabkan kewujudan Baginda Tan Mas iaitu Pemangku Undang. Luak-luak yang lain tidak mempunyai pemangku Undang yang akan menjadi Undang secara automatik sekiranya Undang mangkat. Di luak Sungai Ujong misalnya, hanya terdapat Dato' Shahbandar yang kadang-kadang mengangkat dirinya sebagai Pemangku Undang tetapi hakikatnya kedudukannya tidak setaraf dengan Baginda Tan Mas kerana beliau tidak berhak untuk menyandang jawatan Undang sekiranya Dato' Kelana meninggal dunia.

Baginda Tan Mas juga digelar sebagai 'haluan sembah' bagi Dato' Undang Johol kerana beliau mempunyai kuasa untuk menghadirkan diri sebagai pengganti Undang dalam pertabalan Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan dan mengundi secara (*proxy*).

¹⁶ Ibid, hlm. 164.

Jawatan Baginda Tan Mas mestilah diisi oleh waris-waris daripada Perut Johol dan Gemenceh. Sistemnya berjalan seperti berikut; sekiranya Perut Johol menjadi Undang, pada masa yang sama Perut Gemenceh akan menjadi Baginda Tan Mas. Apabila Dato' Undang dari Perut Johol itu mangkat maka Baginda Tan Mas akan diangkat menjadi Undang secara automatik. Pada masa ini jawatan Baginda Tan Mas akan disandang pula oleh Perut Johol dan begitulah seterusnya.

Di sini ingin diperjelaskan bahawa Jawatan Undang dan Baginda Tan Mas tidak boleh disandang oleh waris dari Perut yang sama pada masa serentak. Contohnya, katalah Baginda Tan Mas dari Perut Gemenceh mangkat sebelum sempat dilantik menjadi Undang, penggantinya akan dipilih dari perut yang sama.

Daripada sistem yang dijalankan di Luak Johol ini menampakkan pada dasarnya ia tidak menimbulkan masalah sekiranya giliran waris yang layak diikuti dengan betul. Di Johol perantikan Undang tidak ada masalah, cuma perantikan Baginda Tan Mas selalu mendatangkan masalah kerana jawatan ini menjadi rebutan kerana sekiranya dapat menyandang jawatan ini jawatan Undang sudah ada dalam genggaman.

Baginda Tan Mas dipilih dengan kebulatan atau kata sepakat seia sekata Dato' Jenang dan Buapak yang Enam. Dalam perantikan Baginda Tan Mas, mahu pun perantikan Undang, Dato' Lembaga tidak berhak untuk campurtangan. Walaubagaimanapun perantikan tersebut akan dibuat dengan disaksikan oleh Dato' Undang dan tujuh orang lembaga yang ada di Luak Johol.

Fakta ini adalah satu lagi keunikan ciri perantikan Undang di Johol kerana di sinilah satu-satu luak yang tidak memberi kuasa kepada Dato'-Dato'-Lembaga untuk melantik Undang sedangkan di luak-luak yang lain mempunyai Lembaga Tiang Balai yang dianggotai oleh Dato'-Dato' Lembaga yang berperanan untuk membuat pilihan dan seterusnya melantik Undang.

